

**Headline** Melahirkan Saintis Muda Biosains  
**Date** 17. Oct 2008  
**Media Title** Utusan Malaysia  
**Section** Supplement  
**Circulation** 238082  
**Readership** 833287  
**Language** MALAY  
**Page No** 13  
**Article Size** 448 cm2  
**Frequency** Daily  
**Color** Full Color  
**AdValue** 13773.57



# Melahirkan saintis muda biosains

# MERCK

BAGI memenuhi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat, Merck Sdn. Bhd. dengan tajaan syarikat EMD Chemical in Corporated menyediakan *Anugerah Merck Young Scientist Award (MYSA)* bagi memberikan galakan dan dorongan kepada saintis muda.

Syarikat yang dipunyai oleh Merck Group yang beribu pejabat di Jerman ini memberikan anugerah berkenaan kepada saintis yang memberikan sumbangan dalam bidang biosains.

Pengurus Besar Bahagian Kimia, Merck Sdn. Bhd., Stanley Hoh berkata, program MYSA disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selain universiti tempatan.

"Kami amat berbangga dengan MYSA memandangkan penyertaan yang diterima amat menggalakkan walaupun ia baru saja bermula," katanya.

Stanley menambah, objektif program berkenaan adalah untuk menggalakkan penyelidikan cemerlang di kalangan saintis muda negara dalam bidang



STANLEY HOH

biosains.

MYSA juga secara tidak langsung akan menggalakkan minat yang mendalam dalam penyelidikan biosains oleh saintis muda negara.

"Mereka yang berjaya juga akan mempamerkan dan mengiktiraf penyelidikan dalam bidang biosains di luar negara," katanya.

Program MYSA jelas Stanley, mula dilancarkan tahun ini dengan membuat promosi di Institut

Pengajian Tinggi (IPT) dan mengumpulkan pelajar-pelajar ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah yang sedang menjalankan kajian dalam bidang biosains di negara ini.

Ini dilakukan memandangkan bidang biosains yang amat luas dan langkah ini dapat menggalakkan penyelidikan ke tahap yang lebih tinggi.

Stanley berkata kajian biosains yang dipilih adalah preteomik, ekspresi protein, diabetes, kanser dan kajian radangan.

"Kajian yang dipertandingkan mestilah telah diterbitkan atau diterima untuk diterbitkan dalam jurnal antarabangsa yang diiktiraf pada 2007.

"Anugerah MYSA adalah terbuka

kepada semua saintis muda yang berada IPTA atau IPTS seluruh negara," katanya.

Walaupun baru pertama kali dilancarkan MYSA banyak menerima penyertaan bukan saja dari Lembah Kelang tetapi juga dari Pantai Timur seperti Pahang, Kelantan, Johor serta Malaysia Timur seperti Sabah dan Sarawak.

Stanley menambah, kajian yang dihantar akan diadili oleh tujuh orang hakim iaitu empat orang tempatan dan tiga dari Amerika Syarikat (AS).

Penghakiman melibatkan nilai penting seperti kualiti, inovasi dan integriti iaitu ketulenan sesuatu penyelidikan.

Ini penting bagi membudayakan kualiti dalaman di kalangan saintis-saintis muda di negara ini.

"Pencalonan pula akan dikaji oleh tujuh orang hakim berdasarkan kepada kualiti, inovasi, ketulenan, skil menulis dan hasil penyelidikan

"Lima calon terbaik akan dipilih bagi memberikan taklimat kepada panel hakim serta menghadapi sesi soal jawab," kata Stanley.

Selepas itu pemilihan dibuat dan yang terpilih akan mempamerkan penyelidikan mereka kepada masyarakat. Program ini akan dilakukan berterusan

bagi menggalakkan saintis muda untuk lebih cemerlang dan memenuhi keperluan negara dalam pembangunan bioteknologi.

Stanley berkata, saintis perlu ambil bahagian bagi memastikan kejayaan program yang dijalankan.

"Kali ini hadiah pertama jatuh kepada Puteri Shafinaz Abdul Rahman dari Universiti Malaya (UM) dengan kajian mengenai kajian kanser menggunakan biji cempedak.

"Puteri Shafinaz membawa pulang trofi MYSA dan wang tunai sebanyak RM5,000," katanya.

Sementara tempat kedua pula dimenangi oleh Chang Li Yen juga dari UM yang mendapat wang tunai RM3,000.

Tempat ke tiga pula dimenangi oleh Chin Chui Yoke dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan hadiah RM1,500.

Dua orang mendapat hadiah saguhati RM500 setiap seorang - Tang Kah Fai dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ramaprabha a/p Appanna dari UM.

Stanley berkata, anugerah MYSA akan dijadikan acara tahunan bagi mencungkil bakat dan sumbangan saintis muda negara.